



Siew Nam (tiga dari kiri) dan Soon Huat (tiga dari kanan) pada Majlis AGM PPB di Kuala Lumpur, semalam.

Pemansuhan GST kukuh perbelanjaan pengguna

➔ PPB peruntuk perbelanjaan modal RM620 juta

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@nstp.com.my

Perbelanjaan pengguna dapat dipertingkatkan jika cadangan pemansuhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) oleh kerajaan dilaksanakan, kata Pengerusi PPB Group Bhd (PPB), Tan Sri Oh Siew Nam.

Beliau berkata, pemansuhan itu tidak akan menjejaskan keperluan pendapatan ekonomi negara malah mampu meningkatkan perdagangan sesebuah syarikat.

Siew Nam berkata, PPB sendiri menjangkakan pemansuhan itu akan meningkat-

kan kuasa belanja pengguna dan boleh diserap ke dalam perniagaan terasnya.

“Antara segmen perniagaan teras PPB seperti bijirin dan agro serta sektor tayangan dan penganangan filem melalui GSC Movies Sdn Bhd (GSC) bakal mendapat manfaat daripada perkembangan ini.

“Perbelanjaan yang selama ini digunakan untuk membayar GST dapat diserap dalam perniagaan kumpulan seperti menonton wayang di rangkaian pawagam GSC atau membeli produk pengguna PPB.

“Secara keseluruhannya, ia tidak akan menjejaskan pendapatan, malah ia adalah impak positif kepada peruncit. Saya mengharapkan pemansuhan ini dapat memberi impak penurunan harga,” katanya pada sidang media selepas Majlis Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) PPB di Kuala Lumpur, semalam.

Labur RM90 juta buka kilang

Sementara itu, ditanya mengenai operasi PPB, Pengarah Urusannya, Lim Soon Huat, berkata kumpulan memperuntukkan

perbelanjaan modal (capex) sebanyak RM620 juta dalam tempoh dua hingga empat tahun akan datang, merangkumi dua perniagaan terasnya.

Segmen perniagaan terasnya adalah bijirin dan agro serta pameran dan penganangan filem.

Selain itu, PPB terbabit dalam segmen hartanah, produk pengguna serta utiliti alam sekitar dan kejuruteraan.

Soon Huat berkata, bagi mengukuhkan lagi segmen bijirin dan agro, kumpulan melabur sebanyak RM90 juta membuka kilang baharu di Vietnam.

Selain itu katanya, RM300 juta diperuntukkan bagi membuka sembilan pawagam baharu GSC di Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

“Segmen bijirin dan agro adalah teras utama dan penyumbang terbesar pendapatan dan keuntungan kumpulan, masing-masing sebanyak 67 peratus dan 56 peratus.

“Pendapatan segmen ini juga meningkat lima peratus kepada RM3.01 bilion pada tahun kewangan 2017 kebanyakannya disokong oleh jumlah jualan

teping di Malaysia dan Vietnam ditambah dengan jumlah jualan makanan dan harga jualan lebih tinggi di Malaysia.

“Segmen pameran dan penganangan filem juga mencatatkan peningkatan pendapatan pada tahun dikaji sebanyak tiga peratus kepada RM481 juta disebabkan pembukaan pawagam baharu,” katanya.

Pendapatan keseluruhan kumpulan meningkat

Pendapatan keseluruhan kumpulan pada tahun kewangan 2017 meningkat tiga peratus kepada RM4.31 bilion manakala keuntungan sebelum cukainya pula tujuh peratus lebih tinggi kepada RM1.29 bilion.

Soon Huat berkata, keuntungan sebelum cukai meningkat disebabkan keuntungan lebih tinggi disumbangkan syarikat bersekutunya, Wilmar International Limited (Wilmar) sebanyak RM0.97 bilion.

“PPB mempunyai pegangan sebanyak 18.5 peratus dalam Wilmar. Keuntungan keseluruhan kumpulan pula sebanyak RM1.24 bilion,” katanya.